

PUCUNG LEMBU
Great-billed Heron

FAMILI: Ardeidae
NAMA SAINTIFIK: *Ardea sumatrana*

CIRI-CIRI

Semasa di luar musim membiak, individu dewasa bagi sub-spesies *A.s.sumatrana*, ia menyerupai spesies *A.insignis*, tetapi bahagian leher adalah lebih pendek di mana keseluruhan bahagian bulu badan berwarna coklat serta jalur-jalur pada bahagian pangkal sayap, hadapan leher dan dada adalah kurang jelas manakala bahagian perut dan tongkeng berwarna kekelabuan. Bahagian rengkong dan sisi telinga pula berwarna pudar. Semasa terbang kelihatan bahagian sayap yang berwarna gelap. Semasa musim membiak, individu ini mempunyai hujung bulu pada bahagian pangkal sayap dan dada yang berwarna putih. Bagi individu juvenil pula, hujung bulu pada bahagian atas badan berwarna kuning pucat ke warna kuning pucat kemerahan manakala pada bahagian bawah leher dan bahagian dada terdapat jalur-jalur lebar yang berwarna putih. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 114-115 sm.

MAKANAN

Makanan utama spesies ini terdiri daripada haiwan-haiwan akuatik termasuklah ikan, amfibia, haiwan invertebra, ketam, mamalia kecil dan juga anak-anak burung.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di persisiran pantai yang berlumpur, kawasan pulau serta di kawasan takungan air sdi sepanjang kawasan pantai.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi *croaks* yang besar dan kasar.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan Mac hingga September di mana sarang dibina di atas platform yang besar di atas pokok pada ketinggian di antara 4.5-6.0 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 2 biji berwarna kelabu ke warna hijau kebiruan yang berukuran kira-kira 68.6 X 47.2 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.